


رسائل للراوي

Rasail Lir-Rowi

SURAT-SURAT KEPADA 'ABDU DHAIF FAQIR HAQIR LA SYAIK MISKIN FANI HADHRAT MAULAWI JALALUDDIN AHMAD AR-ROWI AL-AMANI

Markazi Khanqah Khalidiyyah Naqshabandiyyah Mujaddidiyyah
Naqshabandi Akademi Quran Sunnah Hadits
Selayang Selangor Darul Ehsan
1433 / 2012

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

KANDUNGAN

MUQADDIMAH

1. SURAT 1: SHARIFAH SYED 7
2. SURAT 2: SYED NIZAM SYED OMAR 7
3. SURAT 3: SYED NIZAM SYED OMAR 8
4. SURAT 4: SYED NIZAM SYED OMAR 8
5. SURAT 5: SYED NIZAM SYED OMAR 9
6. SURAT 6: SYED NIZAM SYED OMAR 9
7. SURAT 7: SYED NIZAM SYED OMAR 9
8. SURAT 8: SYED NIZAM SYED OMAR 10
9. SURAT 9: SYED NIZAM SYED OMAR 10
10. SURAT 10: SYED NIZAM SYED OMAR 11
11. SURAT 11: SYED NIZAM SYED OMAR 11
12. SURAT 12: SYED NIZAM SYED OMAR 11
13. SURAT 13: SYED NIZAM SYED OMAR 12
14. SURAT 14: SYED NIZAM SYED OMAR 12
15. SURAT 15: SYED NIZAM SYED OMAR 12
16. SURAT 16: SYED NIZAM SYED OMAR 13
17. SURAT 17: SYED NIZAM SYED OMAR 13
18. SURAT 18: SYED NIZAM SYED OMAR 13
19. SURAT 19: SYED NIZAM SYED OMAR 14
20. SURAT 20: SYED NIZAM SYED OMAR 14
21. SURAT 21: CIKGU YUSOFF MAT HASSAN 14
22. SURAT 22: CIKGU YUSOFF MAT HASSAN 15
23. SURAT 23: CIKGU YUSOFF MAT HASSAN 17
24. SURAT 24: CIKGU YUSOFF MAT HASSAN 17
25. SURAT 25: CIKGU YUSOFF MAT HASSAN 17
26. SURAT 26: HAJI FAUZAN 18
27. SURAT 27: MIMPI ANEH 18
28. SURAT 28: RUHSSLY SEAMAN 18
29. SURAT 29: PADUKA JAMPY 19
30. SURAT 30: PADUKA JAMPY 19
31. SURAT 31: PADUKA JAMPY 19
32. SURAT 32: PADUKA JAMPY 20
33. SURAT 33: MADU UTAMA 20

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi ‘Ufiya ‘Anhu

34. SURAT 34: REX YOUNG 20
35. SURAT 35: SOFIUDDIN BA'ALAWY 20
36. SURAT 36: SOFIUDDIN BA'ALAWY 21
37. SURAT 37: SOFIUDDIN BA'ALAWY 21
38. SURAT 38: SOFIUDDIN BA'ALAWY 21
39. SURAT 39: FAQEER ILALLAH 22
40. SURAT 40: FAQEER ILALLAH 22
41. SURAT 41: FAQEER ILALLAH 23
42. SURAT 42: FAQEER ILALLAH 23
43. SURAT 43: AZIZ KHATRI 24
44. SURAT 44: ROZARITA KAMAL 24
45. SURAT 45: ROZARITA KAMAL 24
46. SURAT 46: ROZARITA KAMAL 24
47. SURAT 47: ROZARITA KAMAL 25
48. SURAT 48: ANAKIN AL-KHAIRI 25
49. SURAT 49: PEER BHAI 25
50. SURAT 50: PEER BHAI 25
51. SURAT 51: FARID ZULKIFLI 26
52. SURAT 52: FARID ZULKIFLI 26
53. SURAT 53: FARID ZULKIFLI 26
54. SURAT 54: FARID ZULKIFLI 27
55. SURAT 55: HAIZA ADLI 27
56. SURAT 56: HAIZA ADLI 28
57. SURAT 57: HAIZA ADLI 29
58. SURAT 58: HAIZA ADLI 30
59. SURAT 59: HAIZA ADLI 31
60. SURAT 60: HAIZA ADLI 31
61. SURAT 61: INGIN TAHU KEBENARAN 32
62. SURAT 62: LAGUNA GUNA 32
63. SURAT 63: LAGUNA GUNA 33
64. SURAT 64: LAGUNA GUNA 33
65. SURAT 65: LAGUNA GUNA 34
66. SURAT 66: ABDUL AZIZ SHATTARI 34


TAMAM SHUD **36**

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu





© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu



© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

وجعل بينكم مودّة ورحمة



© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT 1

Daripada Sharifah Syed

Penilaian Doa Kanzil 'Arash

Assalamu'alaikum, mohon pandangan dan penilaian dari saudara tentang doa ini apa yang disebutkan ini Raja Segala Doa dan siapa yang tak mempercayainya maka kafirlah dia, pernah suatu ketika timbul kontroversi tentang doa ini, saya sesungguhnya tidak pandai untuk mengeluarkan soalan dan menjawab, apa yang telah saya faham yang doa ini mempunyai kelebihan-kelebihan yang begitu banyak dan tinggi. Saya inginkan suatu kenyataan yang sahih dari saudara kerana saya telah pun jadikan doa ini amalan selepas sembahyang Subuh dan Maghrib, kontroversi timbul pada ayat-ayat terakhir doa ini. Harap dapat pandangan dari saudara kerana setelah saya terjumpa satu blog yang mengeluarkan kenyataan kontroversi, maaf saya lupa web mana.

SURAT 2

Daripada Syed Nizam Syed Omar
17hb Julai 2011

Persoalan Mengenai Bai'ah

Asslamu'alaikum,

Segala puji bagi ALLAH serta Selawat dan Salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Harap saya tak mengganggu Tuan Sheikh, saya ingin bertanya soalan mengenai berbai'ah.

1-Bolehkah saya berbai'ah melalui Yahoo Massenger?

2-Bolehkah saya dapat Bai'ah secara jarak jauh kerana kesulitan untuk bertemu dengan Tuan Shiekh.

3-Saya telah Solat Istikharah untuk mendapat petunjuk mengamalkan Tariqat Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah dan bermimpi dengan seorang yang berjubah putih serta berserban. Beliau hanya tersenyum kepada saya seolah-olah bersetuju dengan niat saya.

Harap Tuan Shiekh dapat membantu saya dalam perjalanan yang lagi sulit dan penuh liku-liku. Harap Tuan Shiekh dapat doakan saya untuk menuju ALLAH. Amin.

Wassalam.

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT 3

Daripada Syed Nizam Syed Omar
22hb Julai 2011

Assalamualaikum, Ya Ustaz Jalalludin Ahmad Ar-Rowi.

Macamana keadaan anak Ustaz? Dah semakin sembuh ke? Harap cepat sembuh dengan izin Allah. Amin.

Saya pernah belajar ilmu Haqiqat. Tetapi tiada jalan Tariqat. Zikirlah apa zikir yang sesuai sahaja. Saya cuma belajar secara ilmiah sahaja. Mengenai Nur Muhammad, Nur Allah, penciptaan alam, juga ada menyentuh kitab Martabat 7.

Soalan saya, adakah batil jalan Haqiqat tanpa jalan Tariqat yang khusus? Adakah kefahaman secara teori sahaja mencukupi untuk memahami konsep Nur Muhammad, Nurullah, Tajalli dan rahsia titik huruf "Ba". Harap Ustaz dapat huraikan dan jelaskan kepada saya.

SURAT 4

Daripada Syed Nizam Syed Omar
29hb Julai 2011

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Wahai Guruku,

HADHRAT MAULAWI JALALLUDIN AHMAD AR-ROWI 'UFIYALLAHU 'ANHU

Denan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, Selawat dan Salam atas junjungan mulia Muhammad serta Sahabat dan Keluarganya. ALHAMDULILLAH, semoga Ustaz dan keluarga sihat sejahtera hendaknya. Alhamdulillah dan In Sya Allah, saya boleh berzikir seperti yang diarahkan oleh Ustaz sebanyak 24 ribu kali.

Ada soalan sikit, semasa berzikir saya mendengar ayat Quran di televisyen. Apabila sampai Surah Al-Mulk ayat 23, "KATAKANLAH "DIALAH YANG MENCIPTAKAN KAMU DAN MENJADIKAN PENDENGARAN, PENGLIHATAN DAN HATI NURANI BAGI KAMU TETAPI SEDIKIT SEKALI KAMU BERSYUKUR", hati saya benar-benar tersentuh dan menangis semahu-mahunya, saya menangis 2-3 minit. Itulah yang saya ingin berkongsi dengan Ustaz. Harap dapat tunjuk ajar dari Ustaz. Assalamu'alaikum.

MARHABAN YA RAMADHAN!

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT 5

Daripada Syed Nizam Syed Omar
23hb September 2011

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabaraktuh.

Ya Ustaz, Selamat Hari Raya dan maaf zahir dan batin. Saya ingin berkongsi mimpi yang saya alami dan harap dapat Ustaz menjelaskan. Saya bermimpi satu bulatan bola bercahaya berwarna putih mendekati saya dan meresap melalui dada saya, kemudian cahaya tersebut berkembang ke seluruh badan saya sehingga hilang semua kecuali cahaya putih tersebut. Semoga Ustaz dapat mentafsir mimpi saya ini. Maaf ye Ustaz, agak sibuk sekarang menguruskan ayah dan ibu untuk menunaikan Haji.

SURAT 6

26hb September 2011

Daripada Syed Nizam Syed Omar

Assalamualaikum Ya Sheikh. Ilahi Bihurmati Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad.

Ribuan terima kasih kepada Ustaz Jalalludin kerana sudi memberi tunjuk ajar kepada saya yang jahil dan hina. Moga Allah meningkatkan darjat dan rezeki kepada Tuan Sheikh. Maaf ye ingin bertanya, maksud Daerah Shuyun Zatiyyah apa ye? Harap Ustaz dapat jelaskan. Saya yang dhaif ini ingin mengetahui. Di harap Ustaz dapat memberi tunjuk ajar, nasihat. Sekian untuk kali ini. Wassalam.

SURAT 7

27hb September 2011

Daripada Syed Nizam Syed Omar

Assalamualaikum Ya Shiekh,

Saya ada kekeliruan mengenai manusia dan Allah. Ada sesetengah 'Ulama Tasawwuf berpegang dengan fahaman, hamba tetap hamba dan Allah tetap Allah. Perumpamaannya paku di dinding, walaupun melekat di dinding, paku tetap paku. Satu lagi pendapat, hamba dan Tuhan bersatu. Umpama gula dan air, apabila dicampur bersama, tiada beza. Bersatu padu. Harap Ustaz dapat terangkan secara jelas.

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT 8

Daripada Syed Nizam Syed Omar
28hb September 2011

Assalamualaikum Ya Shiekh,

Ribuan terima kasih Ustaz Jalaluddin Ahmad 'Ufiya 'Anhu. Moga Allah memberi kefahaman kepada saya. Maksudnya pada permulaan Fana, kefahaman bersatu hamba dan Tuhan. Dan manakala permulaan Baqa adalah hamba tetap hamba. Jadi masalah ini, adalah satu proses perjalanan Para Salik mengikut rezeki kurniaan Allah kepada Si Salik. Betul tak Ustaz? Betulkan saya jika salah fahaman Jabariyyah dan Qadariyyah. Di tengah-tengahnya adalah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ahli Tasawwuf menyatakan semua perbuatan, percakapan dan taat datangnya dari Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Dalil: **Tidak Bergerak Sesuatu Zarah Dengan Izin Allah**. Dari segi ini, fahaman Jabariyyah adalah yang paling dekat dengan Ahli Tasawwuf. Seperti pokok lalang yang bergerak mengikut arah angin yang bertiup. Fahaman Jabariyyah dan Qadariyyah adalah sesat kerana menafikan ikhtiar manusia, seperti doa. Harap Ustaz dapat memberi penerangan. Saya jahil dan dalam proses mencari ilmu. Tolonglah saya Ya Sheikh.

SURAT 9

29hb September 2011

Daripada Syed Nizam Syed Omar

Assalamualaikum W.B.T Ya Sheikh Maulawi Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiyallahu 'Anhu Wa'an Walidaihi.

Terima kasih, terima kasih kerana Ustaz sudi menjawab soalan saya. Perubahan pada diri saya dari segi dalaman cukup berbeza dari dulu. Fikiran saya selalu melayang, seperti orang termenung dan tersedar. Adakah ini perubahan hasil dari zikir atau tiada kaitan dengan Tariqat?

Terdapat tiga suara yang sering berdebat dalam hati saya, menyuruh kejahatan hati, menyuruh kebaikan hati dan perbuatan, dan mengeluarkan ilmu-ilmu sebagai pembimbing. Macam mana untuk mendapat khusyuk dalam Solat Ya Ustaz?

- Mengingatkan bahawa ini Solat yang terakhir.

- Mengetahui maksud bacaan dalam Solat.

Harap Ustaz dapat bagi ilmu untuk khusyuk dalam Solat.

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT 10

11hb Oktober 2011

Daripada Syed Nizam Syed Omar

Assalamualaikum W.B.T Ya Sheikh Jalaluddin Ahmad, moga Allah memberkati pertemuan kita kali ini. Sudah lama tidak mendengar berita dari Ustaz. Alhamdulillah, ibu dan bapa saya telah selamat sampai ke Madinah untuk menunaikan Haji bagi tahun ini. Harap dapat kiranya Ustaz doakan untuk mendapat Haji yang Mabrur, In Sya Allah. Terima kasih atas tunjuk ajar dari Ustaz. Hanya Allah yang mampu membalasnya. Saya ada masalah yang baru ketika berzikir, saya seolah-olah tertidur seketika. Adakah itu Fana? Saya keliru sekarang, adakah saya tidur Fana? Harap Ustaz dapat penjelasan, sekian terima kasih, Wassalam.

SURAT 11

26hb Oktober 2011

Daripada Syed Nizam Syed Omar

Assalamu'alaikum Sheikh Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi, semoga Allah memberi tingkatan yang tinggi dari Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Saya ingin berkongsi mimpi saya dengan Ustaz, mimpi antara waktu Maghrib dan 'Isyak selepas Zikir Allah-Allah, saya mengantuk sangat dan tertidur. Saya bermimpi seorang tua yang bertongkat, beliau mencucuk jantung saya hingga tembus dengan tongkat dan tunjuk jantung saya yang berwarna hitam. Harap ustaz dapat memberi pengertian mimpi ini. Adakah saya melakukan dosa sehingga hati saya hitam? Terima kasih Ya Sheikh.

SURAT 12

3hb November 2011

Daripada Syed Nizam Syed Omar

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Ya Syeikh Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu.

Ustaz, bagaimanakah perjalanan jiwa saya sekarang? Bilakah saya akan dapat melihat di Alam Malakut? Kadang-kadang membaca pengalaman orang dalam blog, teringin untuk melihat alam-alam yang ghaib. Harap Ustaz dapat bagi nasihat. Boleh tak Ustaz buat ceramah dan siarkan kat Youtube? Rasa jauh je Ustaz sekarang dengan saya, boleh? Sekian, Wassalam.

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT 13

14hb Februari

Daripada Syed Nizam Syed Omar

Assalamualaikum Ya Sheikh Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi. Fakir boleh beralih ke Latifah Nafs? Alhamdulillah, rupanya Sheikh dapat mendengar hati saya. Terima kasih Tuan Sheikh kerana mengurniakan saya Latifah Nafs. Ustaz, dalam mimpi fakir pernah diajar zikir Allah Hu. Ada apa-apa petunjuk?

SURAT 14

25hb Februari

Daripada Syed Nizam Syed Omar

Baik Tuan Syiekh, In Sya Allah. Semakin payah untuk fokus sekarang. Banyak benda yang muncul dalam zikir. Khayalan dan wajah-wajah manusia, bermacam ragam. Terima kasih duhai Guruku tercinta. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas budi Tuan Syeikh. Fakir harap sudi kiranya, Tuan Syeikh mendoakan agar fakir selamat sampai dalam perjalanan ini.

SURAT 15

16hb April

Daripada Syed Nizam Syed Omar

Tiada masalah yang besar pun Tuan Sheikh. Sekadar ingin bertanya mengenai hukum 'Aqiqah anak fakir. Sah tak 'Aqiqah walaupun selepas tempoh 7 hari selepas kelahiran. Harap Tuan Sheikh dapat huraikan. Adakah perbezaan antara Tuan Sheikh yang zahir dengan Tuan Sheikh yang batin? Fakir mimpi berjumpa dengan Hadhrat Khwajah Khwajagan Maulana Khan Muhammad Sahib Rahmatullah 'Alaih. Beliau berada dalam satu majlis bersama-sama anak-anak murid yang berpakaian serba putih. Fakir hanya menyapu sampah di luar bangunan. Hadhrat memanggil fakir di luar bangunan. Hadhrat memanggil seorang anak muridnya dan fakir diperkenalkan. Fakir bersalam dengan anak muridnya sambil mengucup tangan anak murid Hadhrat. Ada satu perasaan yang baru timbul bagi diri fakir. Terasa jauh ke dalam hati fakir satu perasaan rindu dan wajah Tuan Sheikh. Adakah ini perkara biasa? Terasa seperti lubang yang paling dalam di hati fakir bersama dengan Tuan Sheikh setiap masa, saat dan ketika. Terima kasih Tuan Sheikh kerana melayan kerenah anak muridmu ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas. Wassalam.

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT 16

20hb Mei

Daripada Syed Nizam Syed Omar

Assalamualaikum Ya Sheikh Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi. Selawat dan Salam untuk Nabi Muhammad serta Keluarga dan Sahabat-sahabat, Para Tabi'in dan Tabi'-Tabi'in, Para Masyaikh semua terutama Masyaikh Tariqat Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah. Permasalahan untuk mencukupkan bilangan zikir harian kerana kelahiran anak sulung. Harap dapat tunjuk ajar dari Tuan Maulawi Shiekh. Mohon pertolongan dari Tuan. Bagaimana perjalanan Ruhani fakir?

SURAT 17

30hb Mei

Daripada Syed Nizam Syed Omar

Assalamualaikum Tuan Sheikh Maulawi Jalaluddin Ar Rowi.

Bismillahirrahmannirrahim, segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam, Selawat dan Salam atas junjungan Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam serta Sahabat-sahabat, Tabi’in, Tabi’-Tabi’in, Para Sheikh Tariqat terutama Masyaikh Tariqat Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah.

Alhamdullilah, saya ingin mengkhabarkan perihal mimpi saya kepada Tuan Sheikh Maulawi. Tuan Sheikh telah datang dan saya duduk di pangkuan Tuan Sheikh. Terasa limpahan Faidhz dari Allah Ta’ala menusup ke tengah dada saya. Nikmatnya sukar untuk diucapkan dengan kata-kata. Terima kasih.

Assalmualaikum.

SURAT 18

5hb Jun

Daripada Syed Nizam Syed Omar

Assalamualaikum.Ya Shiekh Maulawi Jalaluddin Ar-Rowi.

Fakir yang dhaif ini sudah ketandusan ilmu mengenai Muraqabah Ahadiyyat. Semua buku-buku di Scribd telah dibaca. Namun kefahaman mengenainya belum dapat. Harap bantuan dari Sheikh Maulawi.

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi ‘Ufiya ‘Anhu

SURAT 19

11hb Jun 2012

Daripada Syed Nizam Syed Omar

Assalamu'alaikum Ya Sheikh Jalaluddin Ar-Rowi 'Ufiya Allahu 'Anhu Wa'an Walidaihi.

Tujuan fakir menulis kerana hendak menyampaikan kefahaman yang fakir faham. Jika ada salah mohon ditegur.

Muraqabah Ahadiyyat yang fakir rasa ialah menafikan kewujudan diri fakir dalam kalimah ***La Ilaha.*** Dan ***Illa Allah*** adalah wujud diri Sheikh dalam diri fakir secara total.

Pertembungan diri sendiri dan gambaran Sheikh dalam hati adalah satu perlawanan antara Nafsu diri dan Allah.

SURAT 20

Daripada Syed Nizam Syed Omar

Assalamualaikum Ya Sheikh, mohon maaf, fakir yang hina tidak dapat berjumpa dengan Tuan Sheikh, kekurangan modal untuk ke sana yang sebenarnya.

Fakir ingin mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadhan.

Sudi kiranya Tuan Sheikh menasihati fakir yang jahil.

SURAT 21

Daripada Cikgu Soh @Yusoff Mat Hassan

23hb Jun 2011

Assalamualaikum.

Terima kasih atas buku Tuan yang banyak saya gunakan. Kalau tak keberatan saya nak dapatkan nombor telefon Tuan, bolehlah Tuan SMS kan saya nombor Tuan itu di: 0148085273

- Yusoff Mat Hassan

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT 22

9hb Februari 2012

Daripada Cikgu Yusoff Mat Hassan

ASSALAMU'ALAIKUM TUAN

AHWAL & MUSYAHADAH

(Cikgu Soh)

Muraqabah Ahadiyyat - Daerah Imkan

•MERASAKAN ALLAH ITU ADA DI SEBALIK ALAM FANA INI, DUNIA INI SATU TABIR NIPIS YANG MENGHALANG KITA DARI NAMPAK ALLAH

Muraqabah Tajalliyyat Af'aliyyah Latifah Qalb – Daerah Imkan

•NAMPAK ROH ITU BERBENTUKKAN DIRI TAPI DALAM BENTUK KACA DAN DI DALAM KACA ITU ADA LAGI SATU KUASA YANG MENGGERAKKAN ROH TAPI IANYA TAK NAMPAK CUMA DIRASAKAN ADANYA

Muraqabah Tajalliyyat Sifat Tsubutiyyah Latifah Ruh – Daerah Imkan

•SATU LADANG YANG LUAS DI ATAS LANGIT HIJAU WARNANYA SEPERTI POKOK UBI KAYU YANG AMAT LUAS DAN DI TENGAH LADANG ITU ADA SEBATANG SUNGAI YANG AMAT PANJANG

Muraqabah Tajalliyyat Shuyun Zatiyyah Latifah Sirr – Daerah Imkan

•MUSYAHADAH SEBUAH KOTA BESAR DI ATAS PERMUKAAN LAUTAN LUAS

•MENDENGAR SATU SUARA MEMBACA SURAH AL-'ALAQ, TIGA AYAT YANG PERTAMA

Muraqabah Tajalliyyat Sifat Salbiyyah Latifah Khafi – Daerah Imkan

•MUSYAHADAH SEBUAH KOTA BESAR DI ATAS PERMUKAAN LAUTAN LUAS

•MENDENGAR SATU SUARA MEMBACA SURAH AL-'ALAQ, TIGA AYAT YANG PERTAMA

Muraqabah Tajalliyyat Shan Jami' Latifah Akhfa – Daerah Imkan

•MUSYAHADAH BATU BESAR TERBELAH DUA DAN MENGELUARKAN SATU CAHAYA PUTIH YANG TEGAK BERDIRI

•MUSYAHADAH BERADA DI SERAMBI RUMAH

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

Muraqabah Ma'iyyat – Wilayat Sughra

•MENDENGAR BUNYI PINTU BESI TERBUKA DENGAN KUAT

•BERTEMU DENGAN SEORANG TUA BERJUBAH BERSERBAN BERJANGGUT DAN TIDAK DIKENALI, BELIAU BERTANYAKAN SAYA BELAJAR DENGAN SIAPA LALU SAYA BERITAHU BELAJAR DENGAN ALLAH DAN DIA TERUS HILANG

•SAYA DIPERLIHATKAN SEBUAH BUKIT YANG BERBENTUK SEPERTI BELON UDARA PANAS YANG WARNANYA UNIK, PELBAGAI CAMPURAN WARNANYA DAN AMAT INDAH

•SAYA DIPERLIHATKAN JUGA SEBUAH KUBAH DARI SUDUT PANDANGAN ATAS YANG BERBENTUK SEGI LIMA ATAU SEUMPAMANYA

•SAYA DIPERLIHATKAN SATU KAWASAN BERWARNA HIJAU KEKUNINGAN YANG BERCAHAYA SEOLAH-OLAH SATU KUBAH YANG BULAT DI ATAS PERMUKAAN BUMI

•SAYA DIPERLIHATKAN SATU TEROWONG YANG AIRNYA TERAMAT JERNIH MELALUINYA

•SAYA MERASA SEPERTI MELALUI SATU LORONG YANG BERCAHAYA DAN DI PENGHUJUNGNYA TERDAPAT RAMAI MANUSIA YANG BERJUBAH PUTIH DILIPUTI CAHAYA PADA BADANYA DAN MEREKA INI DALAM PELBAGAI KEADAAN DUDUKNYA, ADA YANG MEMOHON DOA, BERZIKIR, BERMURAQABAH, BERSEMBANG, BERSOLAT DAN SEUMPAMANYA. SAYA BERTEMU DENGAN SEORANG HAMBA ALLAH YANG PERNAH SAYA TEMUI DAHULU DAN SAYA MEMBERITAHU YANG SAYA ADALAH MURID JALALUDDIN AHMAD AR-ROWI. WAKTU PERTEMUAN DAHULU SAYA DITANYA, SAYA BELAJAR DENGAN SIAPA SAYA JAWAB DENGAN ALLAH LANTAS BELIAU TERUS MENINGGALKAN SAYA, TAPI KALI INI SAYA BERPELUANG BERSIAR-SIAR DI KAWASAN ITU. KEADAAN MASA TU SEOLAH-OLAH SAYA BOLEH MENGAWAL DIRI SAYA UNTUK KE SANA DAN KE MARI KALAU DULUNYA SAYA RASA TAK DAPAT MENGAWAL DIRI SENDIRI MALAH SAYA DAPAT BERFIKIR KE MANA DAN APA YANG SAYA NAK BUAT DI SITU. DALAM BERSIAR ITU SAYA BERTEMU DENGAN MASYAIKH KHAN MUHAMMAD SAHIB RAHMATULLAH 'ALAIH DAN SAYA MEMOHON BELIAU MENDOAKAN SAYA BERJAYA DALAM KEROHANIAN SAYA, KEMUADIAN SAYA DAPAT MELIHAT MASYAIKH SALMAN AL-FARISI RADHIYALLAHU 'ANHU. SEMASA MUSYAHADAH INI BERLAKU SAYA TIDAK DAPAT MENAHAN AIR MATA KERANA HAIRAN, TAKUT DAN TAK TAHU APA YANG SEPATUT DIUCAPKAN KEHEBATAN KUASA ALLAH.

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT 23

18hb Mei

Daripada Cikgu Yusoff Mat Hassan

Assalamualaikum Tuan.

Ini beberapa Ahwal yang berlaku selepas saya ditawajjuhkan Muraqabah Isim Al-Batin. Satu perubahan pada Ruhani saya di mana saya boleh menerima, yang semua manusia yang ada di yang batas muka bumi ini sedikit pun tidak dapat membuat apa-apa pada diri saya. Saya dapat mengumpulkan manusia dalam satu bulatan dan dihapuskan bulatan itu termasuk semua manusia di dalamnya, dengan kata lain manusia tak ada apa-apa kuasa dalam mengganggu perasaan saya, seolah-olah saya dapat menerima apa saja tingkah laku manusia di sekeliling. Dalam beberapa hari Tawajjuh saya pada unsur Api, Angin dan Air rasa tiada apa-apa Ahwal yang berlaku seperti kosong di sudut vakum. Perjalanan seperti dalam satu lubang terowong yang kosong.

SURAT 24

18hb Mei

Daripada Cikgu Yusoff Mat Hassan

Semasa membaca Al-Quran saya dapat memahami kehendak Allah pada ayat-ayatnya. Kadang kala menangis semasa membaca lebih-lebih lagi bila baca terjemahannya, begitu juga semasa membaca atau mendengar Hadits Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam, hati jadi sebak, mengenangkan kasih sayang Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam pada kita dan mengenangkan apa yang kita buat untuknya, Ma Sya Allah

SURAT 25

19hb Mei

Daripada Cikgu Yusoff Mat Hassan

Semasa Tahlil Lisan saya rasa betapa berat sebenarnya firman Allah dalam Surah Ali 'Imran yang saya baca takut rasanya kalau kalau saya tidak dapat menangunggnya, tugas manusia memang berat sebenarnya, semasa Solat saya memandang tempat sujud dan Rabitah terdapat pada tempat sujud sepanjang saya Solat Maghrib tadi.

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT 26

Daripada Haji Fauzan

9hb Ogos 2011

Salam Tuan, Nak tanya tentang Zikir Tahlil Lisan. Sekali duduk, kena buat berapa banyak? Bagaimana pula yang dikatakan Wuquf Qalbi yang sempurna? Latifah Nafs tu Nafsun Natiqah ke? Kaifiat Wuquf Qalbi yang betul macam mana? Jazakallah. Alhamdulillah.

SURAT 27

MIMPI ANEH

Assalamu'alaikum,

Maafkan saya kerana mengganggu Ustaz dengan permasaalahan ini saya tak mahu menceritakan untuk tatapan umum; mimpi yang saya alami itu begini, saya bermimpi telah memijak lambang salib yang dibuat dari batu marmar dan dari kejauhan saya melihat seseorang cuba membuka sesuatu tapi ia gagal lalu saya mendatanginya lalu ia memberi saya peluang untuk membukanya lantas saya membaca ***"La Haula Wala Quwwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azhim"*** maka dengan izin Allah dapatlah saya membuka tunggul kayu tersebut lalu tunggul kayu tersebut mengucapkan salam kepada saya, saya lihat di dalamnya akar kayu berselirat di segenap penjuru.

Wallahu A'lam

SURAT 28

16hb April 2011

Ruhssly Seaman

Salam Ukhwah, salam ukhwah dari ambo ya Syeikh, semoga hubungan ini membawa Rahmat dan keberkatan Dunia Akhirat dalam kita menghayati perintah,

"Wa'tashimu Bi Hablillahi Jami'an Walaa Tafarraqu".

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT 29

Paduka Jampy

Salam Salam Ya Syeikh, lama mencari ketemu juga di ruang fb ini, hamba ini pernah mengambil Bai'ah dari tuan, :) yang asal Sabah itu, dengan penuh rasa malu ingin bertanya pada tuan akan keadaan hamba ini sebenarnya, adakah hamba ini terkeluar dari Jemaah Naqshbandi atau bagaimana? Jika ya, apalah daya hamba kerana silap hamba sendiri.

SURAT 30

2hb April 2011

Paduka Jampy

Salamun 'Alaik, semoga Sidi dalam keadaan sihat sejahtera hendaknya, apa khabar? Hamba sebagai murid sekadar mampu mendoakan sahaja, rasanya hamba banyak bersalah dengan Sidi, bukan tidak mahu berjumpa atau menghadirkan diri, cuma kekangan tetap ada, hendak berbicara dengan Sidi menerusi online, rasa serba tak kena, kerana sepatutnya sebagai murid, perlu menyediakan ruang masa untuk Sidi secara bersuri. Heish entah la, rasanya hamba semakin jatuh merudum darjatnya, salah sendiri juga. Allahu A'lam, semoga Sidi sentiasa dalam naungan ALLAH, mohon diri dulu.

SURAT 31

4hb April 2011

Paduka Jampy

Salamun 'Alaik Ya Sidi, mohon pandangan dari Sidi akan hal saya ini, ada pun kejadian ini terjadi masa saya buka puasa, saya dibukakan keadaan isteri saya yang sedang diazab di neraka, menitik air mata saya masa berbuka tu, habis tumpah ke nasi, saya cuba tahan tak mampu, saya cuba meyakinkan diri bahawa semua tu mainan Setan, namun gambaran yang begitu jelas membuatkan saya teresak-esak di meja makan, isteri saya dah risau, bayangkan le lelaki menangis, huduh rupanya, mujur hanya kami berdua, setiap kali gambaran tu saya teringat, menitik air mata saya, isteri saya paksa dan pujuk kenapa saya teresak-esak? Tapi saya cakap takde apa dan buat seribu alasan yang mungkin. Patut ke saya bagitau dia pasal hal tu? Itu yang menjadi pokoknya sekarang, mohon maaf kalau menyusahkan.

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT 32

18hb April 2011

Paduka Jampy

Salamun 'Alaik Sidi :) In Sya ALLAH hadir untuk 1 Mei tu, itu pun kalau tiada masalah di tempat kerja pada saat-saat akhir, tapi kan majlis tu banyak untuk khatam itu ini yang saya takde keizinan lagi, lagi pun tak tau nak bawa pe? pakai pe? Nak ke sana pun saya tak reti, route bas ke teksi ke, LRT dan monorel tu reti la saya, hari tu datang pun mujur ada kawan hantar.

SURAT 33

17 April 2011

Madu Utama

Salam Ustaz, nak minta tolong terjemah ayat nih.

Aik hadees ka mafhoom hai ke Allah ke Rasool s.a.w ne far maya, Wallaho la yu mino Wallaho la yu mino Wallaho la yu mino, Allah ki qasam wo shakhs momin ho hi nahi sakta? Sahaba Raziallaho ajmaeen dar gai pocha, Ya Rasool Allah s.a.w ko? Aap s.a.w ne farmaya, jis ke haat aur zaban se dosra mahfooz na ho.

SURAT 34

Rex Young

Assalamu'alaikum Tuan Syeikh, maaf mengganggu, saya nak tanya, yang dikatakan letakkan lidah kat lelangit masa Zikir Khafi tu, lelangit tu di mana ya? Bahagian atas mulut yang keras atau yang lembut di belakang atas mulut? Tq Syeikh.

SURAT 35

22hb Mac 2011

Sofiuddin Ba'alawy

Assalamu'alaikum apa khabar Ustaz? Saya nak tanya cara pembacaan kitab Dala'il Al-Khairat dan Burdah, Kaifiyat dia macamana ye? 'Afwan.

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT 36

24hb Mac 2011

Sofiuddin Ba'alawy

Allahumma Solli Wasallim Wabaarik 'Alaihi Wa 'Ala Aalih Wasohbih. Alhamdulillah, Syukron Ustaz, sekarang saya dah ada kitab Dalail Al-Khairat dan baru nak cuba amalkan. Hati saya selalu sebak, resah kadang-kadang rasa nak nangis dan rasa nak teriak teringatkan Baginda Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan Sayyidatina Fatimah, walaupun rasa tak layak tapi kadang-kadang saya keliru sebab perasaan tu datang tiba-tiba. Saya mohon ijazah semua kitab-kitab karangan Ustaz dan ilmu-ilmu, kitab Dalail Al-Khairat serta Burdah untuk diamalkan Lillahi Ta'ala. 'Afwan Ya Ustaz.

SURAT 37

14hb April 2011

Sofiuddin Ba'alawy

Assalamu'alaikum semoga Ustaz dan keluarga sihat selalu. In Sya ALLAH, kami balik ke Brunei minggu depan, ibunda sakit, mohon doanya. Syukron Ustazana.

SURAT 38

12hb Mei 2011

Sofiuddin Ba'alawy

Ustaz apa khabar? Ini biodata kawan-kawan saya yang kat Gombak dulu:

1. Mohammad Naimuddin Bin Ishak

Alamat: 242 Taman Bersatu 06000 Jitra, Kedah Darul Aman.

No Tel: 013-3202828 Email: naim_ishak@ymail.com

2. Azman Bin Esa

Alamat: No 4 Jalan Ilham 12, Taman Ilham , 86000 Kluang, Johor

No Tel: 017-7780049/013-3542955 Email: man_roxstarz@yahoo.com/uda1807@gmail.com

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

3. Sofiuddin Bin Shuib Aseggaf

Alamat: Pusat Pembangunan Belia, Kampong Lambak Kanan, Brunei Darussalam.

No Tel: Celcom 013-2644365. Email: ifos23@yahoo.com

4. Mohd Subhi Bin Shuib

Alamat: Pusat Pembangunan Belia, Kampong Lambak Kanan, Brunei Darussalam.

No Tel: Digi 014-9604479. Email: mitbihi@hotmail.com

Maaf Ustaz, lagi 2 orang belum dapat contact lagi, nanti In Sya ALLAH kalau dah dapat saya bagi kat Ustaz.

SURAT 39

Faqeer Ilallah

Assalam O Alaikum Wa Rahmatullahi Wa Barakatohu

How are you my dear brother? Dear, ap ne Hazrat Baba Jee Rahmatullah Alayh k wisaal k bad kis k hath par Baiyat hoay thay?

SURAT 40

Faqeer Ilallah

Ma Sha Allah Bhai Jan. Allah Pak ap ko Qurb-e-Ilahi k buland darjaat ata farmaey. Baba Jee k wisal k bad yeh faqeer khud ko roohani taor par kamzor aor yateem mahsoos kar raha tha. Faqeer ne Hazrat Zulfiqar Ahmad Naqshbandi k hath par tajdeed e Baiyat ki hay.

Aap yeh rahnumai fermaiay keh is faqeer ka yeh faisla aadaab e Mureed k munafi to nahi hay? Mazeed yeh rahnumai fermaiay keh yeh faqeer Rabita ki kaifiat k husool k liay kin hidayaat par amal karay?

Jazakallah khair

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT 41

18hb Julai

Faqeer Ilallah

Bhai Jan, ap ne jis muhabbat aor tafseel se is faqeer ki rah numai farmai hay, Allah Jalla Shanahu ap ap ko ajr e Azeem ata farmaey.

Baba Jee Rahmatullah Alaih se jo Qalbi ta'alluq hay us ki kaifiyat hi nirali hay. Jab bhi kisi Allah walay ki suhbat me yeh faqeer baithta hay, Baba Jee ki Unglion se hasil shuda noor ki barkat se Zikr e Qalbi khud ba khud poori shiddat se automatically jari ho jata hay, Alhamdolillah.

Insha'Allah Ramdhzan Shareef me Eitkaaf Hazrat Zulfiqar Ahmad Naqshbandi Damat Barkatahum kay hamrah karne ka irada hay.

Baba Jee R.A. ki Dua ki audio file ka gift ap ki khidmat me paish kar raha hun. Qabool farmaen. (Attachment MP3 file)

Fi Amanillah

SURAT 42

18hb Julai

Faqeer Ilallah

Summa Aameen. Allah Azza Wa Jalla ap ko apnay Maqbool bandoon me shamil farmaey. Aor hamen Silsila e Naqshshband k sath nisbat ka haq ada karnay ki taofeeq ata farmaey. Allah pak hum ko Dunya aor Aakhirat me Roohani Jismani taor par apnay naik salih Muqarrab afrad k sath attach rakhay. Aor Eeman par khatima farmaey. Aameen.

Minal Abdiz-Zaleelil Faqeeri Ilal Maolal Jaleelil Kabeer, Rabbi Inni Bema Anzalta Ilayya Min Khairin Faqeer.

Fi Amanillah

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT 43

Aziz Khatri

Silsila-Shattariyyah se judi hui aap ke pass kiya malumat hai is silsile se judi hui kitabe hai kiya aap k pass? Agar aap ko kisi kitab ki talash ho to likhna, shayad me aap k kuch kaam aa saku.

SURAT 44

27hb Jun

Rozarita Kamal

Salam,

Saya rasa susah nak faham bahasa yang Tuan Syeikh terangkan dalam fb. Nak tanya soalan pun saya tak berapa reti untuk memahami perlunya Tasawwuf dalam Ibadah.

SURAT 45

27hb Jun

Rozarita Kamal

Jadi kalau nak faham, nak mulakan dari mana? Saya takut kalau ianya menyimpang dari 'Aqidah. Apa yang saya lihat tak ramai mampu nak bawa Tasawwuf, sebab tu saya takut nak dekati tapi ada juga baca, tapi masih "blur" (kabur).

SURAT 46

28hb Jun

Rozarita Kamal

Apa bezanya kalau yang tak pelajari Tariqat, adakah ini bermakna ibadah mereka tidak sempurna. Saya sangat berminat untuk mengetahui. Boleh tak ajar saya? Saya ada baca Wasiat Sheikh 'Abdul Qadir Jailani, dah banyak kali baca.

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT 47

29hb Jun

Rozarita Kamal

Boleh saya tahu zikir yang boleh saya amalkan sebagai permulaan?

SURAT 48

Daripada Anakin Al-Khairi

Macamana nak tahu Rabitah yang kita buat betul atau tak?

SURAT 49

29hb September 2011

Daripada Peer Bhai

Assalam O Alaikum Wa Rahmatullahe Wa barakatohu,

Meray piaray Peer Bhai, Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi, Mujhay aj intihai khushi hoi hay keh ap jaisa Peer Bhai mujhe facebook per mila hay jo Meray Murshid Hazrat Khwajah Khan Muhammad Rahmatullah 'Alaih se bay intiha muhabbat aor aqeedat rakhta hay. May Allah keep you stand firm on His straight path.

Duaoon me shamil karne ki darkhawst hay, Wassalam.

Aameen. Love you brother.

SURAT 50

29hb September 2011

Daripada Peer Bhai

Assalam O Alaikum. How are you my dear brother? Jazakallah brother for your reply. Ap ko daikh kar mujhe meray Murshid Khwajah Khan Muhammad Rahmatullah 'Alaih ki yad aati hay. Allah ap ko khush rakhay.

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT 51

27hb Mei

Daripada Farid Zulkifli

Assalamualaikum Tuan Sheikh Jalalludin Ahmad Ar-Rowi, maaf sekiranya saya salah memanggil namanya Tuan. Saya Mohamad Farid Bin Zulkifli, saya ni masih baru dalam meniti jalannya Tariqah ni, masih tercari-cari guru yang boleh nak membimbing saya dan menasihati saya atas jalan kedepan yang elok, saya sukanya terkeliru dengan tindakan saya, cam mana caranya untuk saya berjumpa dengan guru yang betul-betul saya serasi dengan dia? Mohon nasihat dari Tuan dari saya yang sedang mencari jalanNya.

SURAT 52

12hb Jun

Daripada Farid Zulkifli

Selamat Hari Lahir Ya Sheikh, mudahan dipermudahkan Allah atas segala urusannya. Amin...

SURAT 53

1hb Julai

Daripada Farid Zulkifli

Ya SYEIKH MAULAWI JALALUDDIN AHMAD AR-ROWI boleh tak saya dengan rendah diri dan ilmu ini ingin memohon ijazah dari Tuan atas kitab-kitab tulisan Tuan sendiri, mohon bimbingan dan tunjuk ajar ya Tuan.

Maksudnya Tuan, saya harus berjumpa dengan Tuan secara terus, saya tinggal di Pulau Pinang, saya ada dengar khabar dari sahabat saya mengenai Tuan, ada juga yang pernah berbai'ah dengan Tuan, kalau dizinkan ingin saya bertemu dengan Tuan untuk berbai'ah.

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT 54

4hb Julai 2011

Daripada Haiza Adli

Salam Ya Syeikh. Maaf menganggu. Ni Aiz dari Shah Alam dulu. Cuma nak bertanya, baru-baru ni, saya zikir seperti biasa, tapi tiba-tiba seolah-olah, saya di datangi suatu orang secara Rohani, berpakaian hitam tapi di dadanya ada satu cahaya terang bertulisan ALLAH berwarna keemasan. Saya tanya, siapa ni? Dia jawab, dia adalah Syeikh Siti Jenar. Saya terkejut. Kemudian dia beritahu beberapa nasihat kepada saya seperti: hilangkan kurang yakin pada diri, hilangkan syak dan was-was serta hilangkan keingin serta kehendak dalam mencapai matlamat padaNYA. Kemudian, datang pula seorang Syeikh yang berbaju putih terang, pendek-pendek orangnya macam orang Nusantara. Ditanya, siapakah dia? Dia menjawab, dia Sunan Ampel. Kemudian, dia memberitahu saya beberapa perkara seperti Zat, Sifat dan Af'al dalam diri. Tapi tak banyak. Jadi, saya nak tanya. Benarkah tu Sunan Ampel atau Syeikh Siti Jenar? Sebab saya ada juga ikut tips orang tua, kalau di datangi orang ruhani, suruh dia Selawat. kalau jin, dia akan lari, tapi ni tak. Masih ada ketika itu. Jadi, apakah benar yang datang tu seperti apa yang dikhabarkan dan kenapa dia mari? Mohon pencerahan ya Syeikh. Salam dan saya doakan Syeikh dan keluarga sihat serta bahagia di bawah lindungan ALLAH. In Sya Allah :D

SURAT 55

24hb September 2011

Daripada Haiza Adli

Salam Ya Syeikh. Maafkan saya kerana menganggu. Diharap Syeikh dan family sihat selalu, In Sya Allah. Saya nak tanya. Saya dalam keadaan was-was juga tapi Syeikh pernah bagitahu masa mula-mula Bai'ah dulu tentang, bila saya menerima sesuatu amalan, maka refer pada Syeikh dulu. Maka saya nak refer pada Syeikh tentang hal ni. Seandainya saya mengambil Bai'ah dari perguruan atau pengajian seperti silat, maka Bai'ah saya dengan Tariqat Nasqhbandiyyah macamana? Adakah terbatal? Sebenarnya saya ada mengaji sesuatu amalan ala-ala ilmu hikmah silat tapi diperlukan Bai'ah, maka saya ada Bai'ah dulu. Maka timbul was pada saya, adakah saya ni telah terkuar dari Tariqat Naqshbandiyyah. Itu yang jadikan saya sedikit kelam kabut. Jadi diharap Syeikh memberi jawapan tentang ni dan diharap Syeikh dapat maafkan saya kalau saya telah tersilap. Mohon ampun dengan sangat. Apapun, saya berdoa agar Syeikh, famili dan sahabat dalam Naqshbandiyyah sentiasa sihat dan aman, In Sya Allah.

Wassalam.

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT 56

4hb Februari

Daripada Haiza Adli

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Ya Syeikh, Salam Maulidur Rasul.

Saya doakan Syeikh dan ahli keluarga serta Ikhwan Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah dalam keadaan sihat dan dirahmati ALLAH Dunia dan Akhirat. In Sya Allah.

Saya mulakan dengan ampun maaf andai saya ada buat silap dan terkasar bahasa. Saya yang jahil ni sentiasa akan berkehendak kepada tempat penyusuannya biarpun ia boleh bergerak dan berlari. Jika saya lupa tempat penyusuan tu, makanya saya ni lupa daratan dan asal-usul sendiri. Makanya, tidak boleh bagi saya untuk tidak mengucapkan terima kasih pada Syeikh kerana membawa saya pada pintu Sufi dan Taaruf pada jalan ketuhanan.

Apapun, mahu saya berita tentang progress saya tika ini. Ampun maaf kerana saya dah lama tak menjenguk Syeikh dan hanya boleh hantar message dalam fb. Sungguh biadap cara saya yang jahil ni. Dan mungkin sukar untuk saya nak minta maaf dari Syeikh kerana perbuatan saya ni melanggari adab berguru. Setakat ini, saya ada mengambil satu jalan ilmu kebatinan dan alhamdulilah, ia membawa saya lebih faham tentang perihal ketuhanan berdasarkan tunjuk ajar Syeikh. Saya gelarkan guru yang ajar saya ini Mentor. Asal-usul berjumpanya saya dengan Mentor ini dari arwah ayah saya. Dia mengajar ayah saya untuk mengenal diri dan jalan ketuhanan. Alhamdulilah, arwah ayah di saat akhir memahami tentang ini. Makanya, saya menyambung legasi ini dari arwah ayah. Dia berpakaian orang biasa dan selekeh. Umur 40an lebih. Setakat ini, inilah progress saya berdasarkan apa yang telah diajar oleh Syiekh dan didikan Mentor ini:

- Tinggalkan semua kehendak kepada dunia kecuali keperluan dan kewajiban.

- Tika saya Solat waktu malam, saya dapat melihat cahaya di sekeliling jasad saya.

- Saya baru faham tentang istilah Nur Faidhz, limpahan faidhz yang Syeikh ajarkan dulu, rupanya inilah NUR tadi, baru nampak setelah lama berteori-teori.

- Saya lihat bayangan saya dan tanya orang di sini, mereka kata itulah cerminan diri. Wallahu A'lam.

- Jangan jadi pekerja kepada ALLAH, mengharap balasan dari ALLAH tapi jadilah hamba kerana itulah fitrah kita, ALLAH suruh dan larang, haruslah diikuti tanpa sebarang bantahan atau mahukan pembalasan.

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

Tapi apa pun, saya risau juga andai perbuatan saya ini mungkin akan melukakan hati Syeikh. Maafkan saya yang jahil ni. Mungkin hikmah ALLAH, bila saya habis konvo, ayah saya meninggal, saya kena teruskan perniagaan keluarga ini. Saya redha dengan kehendakNYA ke atas diri saya. Tak mampu saya nak menolak kerana tiada daya upaya saya untuk lari dari kehendak ALLAH. Tiada daya upayaku melainkan ALLAH. Diharap, Syeikh sudi maafkan perbuatan saya tapi saya tidak meletakkan diri untuk di maafi. ALLAH jualah yang maha segala.

Wassalam.

SURAT 57

4hb Februari

Daripada Haiza Adli

Maaf saya yang jahil ini menambah tentang progress diri. Saya berbesar hati memaklumkan hal ini pada Syeikh kerana janji saya pada Syeikh masa mula-mula Bai'ah dulu, untuk sentiasa memberitahu progress biarpun saya banyak berjalan. Antara lainnya:

- Saya dibawa ke suatu tempat Ka'abah berwarna putih.

- Saya dibawa ke suatu tempat gunung sebesar alam dan memasuki sebuah gua, dan kelihatan air sungai.

- Saya berjumpa dengan seseorang tua bertubuh sederhana kecil, memakai tongkat, ada serban hijau, membawa saya naiki sampan dengan arus sungai yang songsang lalu keluar ke suatu tempat yang sungguh luas, padang pasir yang putih tapi lantainya keras. Ada ramai orang di sana, semua berpakaian putih. Saya tanya, ni di mana? Orang tua itu menjawab, suatu hari nanti kamu akan tahu sambil senyum.

- Kemudian, ramai megangkat tangan seperti berdoa dan tiba suatu cahaya yang luar biasa terang. Kemudian saya tersedar. Ini bukan mimpi, tapi terjadi masa saya tengah Zikir malam.

- Saya melihat saya duduk bersila yang mana diri saya sebesar alam. Gunung-gunung hanya tahap bawah lutut saya saja.

- Hujung-hujung tangan keluar aura-aura atau cahaya-cahaya putih seakan-akan fatamorgana. Ini terjadi secara nyata tika berzikir di waktu malam.

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT 58

14hb Februari

Daripada Haiza Adli

Syukur Syeikh membalas mesej saya. Itulah perkara paling memgembirakan hati saya. Terima kasih ya Syeikh. Alhamdulilah, terima kasih tak terhingga kerana Syeikh yang membawa saya ke jalan ini hingga tahap ini.

Mengenai zikir, walau saya buat katakan hanya 100 kali dengan menahan nafas, tubuh jadi panas dan kadang kala menyebabkan saya sakit gigi, tapi orang di sini galakkan saya membaca Selawat dan minum air bacaan Al-Kautsar. Tapi saya cuba untuk penuhkan 2-3 ribu kali sehari. In Sha Allah.

Selain tu, kini saya nampak pancaran direct dari langit menuju saya seolah-olah spot light. Seolah-olahnya saya nampak pintu langit dibuka hingga ke langit kedua. Tapi tak pula saya tahu apa kandungannya. Dan di sebabkan pancaran cahaya itu juga, bersinar tubuh saya. Jadinya,

- Cahaya pancaran dari langit tu disebut apa?

- Cahaya pada tubuh disebut apa?

- Aura/cahaya/fatamorgana yang keluar dari jasad itu apa?

- Apa nama bagi cerminan diri yang saya lihat tika sedang Zikir atau Fana? Orang di sini panggilnya Cerminan Al-Furqan. Atau ada nama lain?

- Pernah saya Fana saya nampak diri saya berada dalam cahaya berbentuk Alif, seolah-olah saya melihat saya.

- Selain tu, saya melihat seolah-olah saya dalam 1 bulatan atau noktah dan dikhabarkan itu di dalam kandungan huruf "Ba".

Maaf saya bertanya, sebab saya tak tahu terma untuk perkara-perkara yang saya lihat ni. Mudah-mudahan Syeikh boleh membantu saya untuk memahami terma-terma dan progress yang berlaku ini. Maaf sekali lagi dan saya doakan Syeikh, keluarga, sahabat, dan rakan-rakan Naqshbandi Mujaddidi sihat dan dilimpahi rezeki dan Iman yang teguh dan berkekalan. In Sha Allah.

Wassalam.

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT 59

3hb Mac

Daripada Haiza Adli

Wa'alaikumusalam

Alhamdulilah, terima kasih untuk jawapan Syeikh. Amat bermanfaat untuk saya. Sudah saya baca semua kitab Muraqabat Kubra Mujaddidiyyah yang saya cari dalam Scribd. Tapi mungkin saya kena menyemak semula dan berharap dapatlah saya kuasai Muraqabah Tajalliyyat itu. Daakan saya ya Syeikh. In Sha Allah, semoga Syeikh dan keluarga sihat sentiasa dan dipenuhi rezeki yang berlimpah lumrah, In Sha Allah.

Wassalam.

SURAT 60

6hb April

Daripada Haiza Adli

Assalamu'alaikum w.b.t

Maafkan saya kalau menganggu dan saya doakan Syeikh serta family sihat walafiat. Insya Allah, di sini saya mahu menceritakan progress saya setakat ini:-

- Mengenai Ruh Idhzafi, mungkin saya melihatnya pada diri saya, berwarna kuning emas, mempunyai kalimah ALLAH di dahi, memakai pakaian Ihram, usia muda, rupa seakan saya, adakah ia benar atau fantasi?

- Menjelajah langit, begini kisahnya:-

Saya dan beberapa orang di sini cuba berzikir dalam kumpulan lain-lain Tariqat dan saya serta seorang tua dalam usia 40an menebus langit. Mula-mula saya ingat saya seorang, rupa-rupanya orang tua itu pun ada sama, diceritakan pada saya selepas itu. Mula-mula, kami naik ke space, nampak bima sakti dan banyak lagi. Kemudian ada pintu di sebalik gelap. Kami masuk dan melalui lorong mempunyai 13 tiang tinggi. Kemudian sampai di langit pertama. Keadaan luas serta berkabus di bawah. Lantainya seolah-olah Jed, Wallahu A'lam, tapi tak nampak sangat sebab kabusnya tebal. Di langit pertama ada lautan biru dan ada satu tempat persinggahan. Sejuk di situ sehinggakan dinginnya melimpah keluar dari jasad. Orang lain

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

merasai perkara ini sedangkan mereka tidak ikut. Kemudian menemui pintu kedua, naik dan sampai satu tempat yang tandus. Kelihatan ada beberapa orang mundar-mandir dan saya bertanya, ini tempat apa? Lalui dijawab, ini tempat arahan dikumpulkan dan dikeluarkan. Dari jauh saya melihat satu tiang besar. Katanya pintu ketiga melalui situ. Di atasnya kelihatan cahaya putih berlegar-legar sekeliling tiang besar itu. Saya masuk, di situ kawalannya sungguh ketat, dan kelihatan satu pintu yang bergerak-gerak dan lohongnya gelap. Kemudian sampai saya ke langit ketiga yang cahaya dan kelihatan ada beberapa buih-buih yang di dalamnya kelihatan ada taman-taman. Ramai orang di dalamnya. Jumlah buih itu pun banyak. Saya berjumpa Nabi ‘Isa ‘Alaihissalam (mungkin ya mungkin tidak), di situ dan saya bertanya, ini tempat apa. Baginda menjawab, ini tempat orang yang diangkat ke langit atau mati Syahid. Taman-taman itu adalah tempat mereka. Mereka hidup di sisi Allah dan In Sha Allah kembali pada perang akhir zaman. Ada pintu besar ke langit empat. Tapi saya tidak dapat pergi lagi ke sana. Adakah pengalaman saya ini adalah benar?

Wallahu A’lam

SURAT 61

Daripada Ingin Tahu Kebenaran

22hb Julai 2011

Salam Tuan,

Apa beza Mujaddidi vs Kholidi vs Haqqoni vs Muzhariah?

SURAT 62

Daripada Laguna Guna

21hb Julai 2011

Assalamu’alaikum Tuan, saya nak tanya apakah syarat-syarat utama untuk mempelajari Tariqat ini? Dan adakah ianya hanya untuk seseorang yang mempunyai kelulusan sekolah pondok sedangkan saya hanyalah berkelulusan sekolah formal SPM 2 saja.

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi ‘Ufiya ‘Anhu

SURAT 63

Daripada Laguna Guna

5hb Ogos 2011

Assalamu'alaikum Tuan, sebenarnya saya pernah ikut Jemaah Tabligh pada tahun 1996 sehingga 1997, masa tu saya masih belajar lagi itu pun kadang-kadang. Ketika itu saya ikut keluar selama 3 hari setiap bulan dan paling lama 7 hari itu pun atas dorongan arwah ayah saya. Alhamdulillah bermula dari situ saya mula belajar bab-bab Sunnah Rasulullah s.a.w dan menunaikan Solat secara berjemaah namun semua itu hanya saya lakukan seketika sahaja atas faktor-faktor sekeliling. Minat saya ke atas pelajaran Tasawwuf dan Tariqat ketika saya di tingkatan 4 lagi asbab perkenalan saya dengan seorang rakan sekelas di mana beliau telah menunjukkan saya buku yang judulnya saya lupa tetapi isi kandungannya banyak menceritakan mengenai Ilmu Ketuhanan ditambah pula dengan cerita-cerita yang menarik tentang perjalanan atau riwayat hidup Para Wali Allah. Dipendekkan cerita, semua ini saya lupakan ketika saya menyertai Angkatan Tentera Malaysia pada tahun 1999 atas faktor kemiskinan di mana kehidupan saya dalam tentera mula berubah dan kehidupan beragama hanyalah sebagai hiasan dan mulai terabai. Dosa dan maksiat tiada batasan lagi sehinggalah ujian datang dalam hidup saya pada tahun 2002. Alhamdulillah saya telah disedarkan oleh seorang Hamba Allah supaya kembali ke Jalan Allah. Sedar tak sedar, sudah hampir 32 tahun umur saya yang Allah bagi kepada saya dan betapa kasihnya dan sayangnya Allah terhadap saya walaupun saya sudah banyak berbuat dosa dan maksiat semenjak saya mengenali alam dunia ini. Bolehkah saya bertanya kepada Tuan, adakah Tariqat Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah ini memerlukan Tarbiyah atau amalan sebelum seseorang itu diijazahkan Tariqat ini dan berapa lamakah masa untuk mengambil amalan Tariqat ini?

SURAT 64

Daripada Laguna Guna

21hb Oktober 2011

Assalamu'alaikum Tuan, saya nak bertanya kepada Tuan adakah sama maksudnya di Talqin dan Bai'ah? Sebab sebelum ni saya sudah ditalqin amalan Tariqat Qadiriyyah Wa Naqshabandiyyah di bawah pimpinan Ustaz Manaf Wakil Talqin di mana Guru Mursyidnya adalah Syeikh Abah Anom (Shohibul Wafa Tajul Ariffin) dari Pesantren Suryalaya di Indonesia cuma saya tidak pernah bertemu. Persoalannya di sini walaupun saya sudah ditalqin namun sampai sekarang saya belum merasai kenikmatannya lagi. Mohon Tuan dapat memberi jawapannya

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT 65

Daripada Laguna Guna

14hb April 2012

Assalamu'alaikum Tuan, saya terasa amat sedih dengan kemangkatan Hadhrat Syaikh Raja Ashman Rahmatullah 'Alaih. Al-Fatihah. Tuan, saya tidak dapat membayangkan bagaimana seorang anak Sultan yang diberikan nikmat kekayaan di dunia boleh memiliki taraf seperti ini. Inikan pula saya yang serba kekurangan ini tapi masih lagi dalam pencarian. Tuan doakanlah saya agar saya tidak disesatkan oleh nafsu saya sendiri di mana saya sendiri tidak tahu di mana kedudukan saya sekarang ini. Tuan sebenarnya saya cukup tertarik dengan Tariqat ini, oleh itu mohon Tuan doakan saya untuk bertemu dengan Tuan agar semua persoalan ini menemui jawapannya.

SURAT 66

Daripada Abdul Aziz Shattari, India.

28hb Jun 2011

Salam.

Hazrat, mein Shattari Silsile se murid hu our mein Surat, India se hu, aap kaha se murid ho? Aur kaha se ho? Aap kaha se ho? Yeh mere Piro Murshid hai jo mp Khirala Sharif se hai [P1030848-abc copy.jpg]

1. ***Rahmatullil 'Alamin Muhammadur Rasul Allah***
2. ***Maula Ali bin Abi Talib ra***
3. ***Imam Hussain Bin Ali ra***
4. ***Imam Zainul Abidin ra***
5. ***Imam Muhamad Baqir ra***
6. ***Imam Ja'afar Sadiq ra***
7. ***Imam Musa Kazim ra***
8. ***Imam Ali Musa Ridhza ra***
9. ***Hadhrat Khwajah Ma'aruf Kharkhi ra***
10. ***Hadhrat Khwajah Sarri Saqti ra***
11. ***Hadhrat Khwajah Junaid Baghdadi ra***
12. ***Hadhrat Khwajah Abu Bakr Shibli ra***
13. ***Hadhrat Abul Qasim Ahmad ra***
14. ***Hadhrat Shaykh Ahmad Abdul Aziz Yamani ra***

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

15. ***Hadhrat Shaykh Abul Farah Yusuf Ibni Tartusi***
16. ***Hadhrat Khwajah Abul Hasan Ali Quershi ra***
17. ***Hadhrat Sultan Abu Sayeed Mubarak Abul Khair Makhdoomi ra***
18. ***Hadhrat Sultan Awliya Mahbub Subhani Ghauts Samdani Shaykh Abdul Qadir Jilani Al-Hasani Wal-Hussaini ra***
19. ***Hadhrat Shaykh Abdur Razzaq ra***
20. ***Hadhrat Shaykh Abdullah Hussain ra***
21. ***Hadhrat Shaykh Ibrahim Hussain ra***
22. ***Hadhrat Shaykh Jafar Ahmad Hussain ra***
23. ***Hadhrat Shaykh Ali Hussain ra***
24. ***Hadhrat Shaykh Muhammad Qadiri ra***
25. ***Hadhrat Shaykh Abdul Ghaffar Siddiqi ra***
26. ***Hadhrat Shaykh Mahmud Qadiri ra***
27. ***Hadhrat Shaykh Abdul Rauf Qaderi***
28. ***Hadhrat Shaykh Abdul Wahab ra***

Mein in Buzurgo ki talash mein hu:

1. ***Hadhrat Shaykh Abdur Razzaq ra***
2. ***Hadhrat Shaykh Abdullah Hussain ra***
3. ***Hadhrat Shaykh Ibrahim Hussain ra***
4. ***Hadhrat Shaykh Ja'afar Ahmed Hussain ra***
5. ***Hadhrat Shaykh Ali Hussain ra***
6. ***Hadhrat Shaykh Muhammad Qadiri ra***
7. ***Hadhrat Shaykh Abdul Ghaffar Siddiqui ra***
8. ***Hadhrat Shaykh Mahmud Qadiri ra***
9. ***Hadhrat Shaykh Abdul Rauf Qadiri***
10. ***Hadhrat Shaykh Abdul Wahab ra***

Agar aap jante ho to batana, nahi jantey ho to kisi se malomaat karke batana. Mein taklif ki mafi bhi cahata hu ki mein aap se is tarha sawal puch raha hu.

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

TAMAM SHUD

KHAMIS HARI ‘ARAFAH

9 DZUL-HIJJAH 1433

25 OKTOBER 2012

© 1433 /2012 Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi ‘Ufiya ‘Anhu